Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia dan satu lagi lwn Kubang Batang Puspa-Sari Sdn Bhd

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO D-01(W)-42–02 TAHUN 2016
TENGKU MAIMUN, VERNON ONG DAN ZALEHA YUSOF HHMR
3 MEI 2018

Kontrak — Deposit — Bayaran balik — Responden dilantik sebagai kontraktor utama bagi projek perayu-perayu — Perayu-perayu menamatkan kontrak — Responden memfailkan tindakan ke atas perayu-perayu bagi menuntut pengembalian wang pendahuluan — Hakim bicara memerintahkan wang pendahuluan bagi projek dikembalikan kepada responden — Sama ada hakim bicara khilaf

Kontrak — Tuntutan — Kerja yang disiapkan — Responden dilantik sebagai kontraktor utama bagi projek perayu-perayu — Perayu-perayu menamatkan kontrak — Responden memfailkan tindakan ke atas perayu-perayu bagi menuntut upah kerja yang disiapkan — Hakim bicara membenarkan tuntutan — Sama ada hakim bicara khilaf dalam menentukan nilai peratusan kerja yang disiapkan — Sama ada penemuan fakta hakim bicara 'plainly wrong'

Responden telah dilantik oleh perayu-perayu sebagai kontraktor utama bagi sebuah projek pembinaan, namun, kontrak tersebut telah ditamatkan oleh perayu-perayu berkuatkuasa pada 29 Oktober 2009. Responden mendakwa bahawa penamatan kontrak tersebut adalah tidak sah dan menjejaskan nama baik mereka. Berikutan itu, responden telah memfailkan tindakan ke atas perayu-perayu bagi menuntut, antaranya, jumlah RM9,328,318 bagi upah kerja yang disiapkan setakat 29 Oktober 2009; dan bayaran balik wang pendahuluan berjumlah RM6,330,500. Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan-tuntutan responden. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu-perayu telah memfailkan rayuan semasa. Perayu-perayu berhujah bahawa hakim bicara khilaf dalam membuat penemuan fakta tentang nilai peratusan kerja responden sebanyak 92%; dan berdasarkan peratusan kewangan 63%, tiada apa-apa tunggakan nilai kontrak yang belum dibayar oleh perayu-perayu kepada responden. Selain itu, perayu-perayu turut berhujah bahawa wang pendahuluan tersebut adalah wang kerajaan yang dipinjamkan kepada responden secara pendahuluan dan kesemua jumlah wang pendahuluan telah pun dikutip semula oleh kerajaan secara potongan melalui perakuan bayaran interim. Oleh itu, hakim bicara khilaf apabila memutuskan bahawa wang tersebut dikembalikan kepada responden.

Diputuskan, menolak rayuan perayu-perayu dengan kos; dan mengekalkan keputusan hakim bicara kecuali perintah pemulangan wang pendahuluan yang diubah dengan memasukkan penghakiman terhadap perayu-perayu untuk jumlah RM4,678,840.98 sahaja:

(1) Adalah merupakan prinsip undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah Rayuan tidak patut campur tangan dalam penemuan fakta hakim bicara kecuali hakim bicara adalah 'plainly wrong' dalam membuat dapatan tersebut. Dalam rayuan semasa, terdapat keterangan dokumentari daripada perayu-perayu sendiri bahawa prestasi kerja responden mencapai tahap 70%. Oleh itu, hakim bicara tidak boleh dikatakan 'plainly wrong' dalam menolak dakwaan perayu-perayu bahawa peratusan kerja responden hanya mencapai 63%. Seterusnya, saksi-saksi responden dan perayu-perayu sendiri mengesahkan bahawa perbezaan peratusan fizikal dan kewangan adalah di antara 20% hingga 22%. Maka penemuan fakta oleh hakim bicara mengenai 92% (70% + 22%) tidaklah boleh dikatakan kekhilafan yang jelas yang mewajarkan campur tangan Mahkamah Rayuan (lihat perenggan 21–22).

(2) Berkenaan wang pendahuluan, adalah tidak wajar bagi peguam kanan persekutuan menggesa mahkamah untuk campur tangan dalam dapatan hakim bicara apabila peguam kanan persekutuan di peringkat Mahkamah Tinggi gagal mengemukakan atau dengan sengaja memilih untuk tidak mengemukakan hujahan yang bermakna atau signifikan untuk membantu hakim bicara dalam mencapai keputusannya. Perintah pemulangan wang jaminan perlaksanaan dan wang pendahuluan dibuat oleh hakim bicara berikutan penemuan hakim bicara bahawa penamatan kontrak adalah tidak sah dan responden berhak kepada ganti rugi pemecahan kontrak, maka kedua-dua jumlah tersebut dikehendaki dipulangkan kepada responden. Perintah pemulangan wang itu dibuat dalam konteks pemecahan kontrak oleh perayu-perayu. Walau bagaimanapun mahkamah telah mengubah perintah hakim bicara berkenaan jumlah pemulangan wang pendahuluan setelah pihak responden bersetuju bahawa jumlah sebenar yang perlu dipulangkan adalah RM4,678,840.98 (lihat perenggan 28–29).

[English summary

The respondent was appointed by the appellants as the main contractor for a construction project, however, the said contract was terminated by the appellants with effect from 29 October 2009. The respondent alleged that the termination of the said contract was void and had tarnished their reputation. Subsequently, the respondent filed an action against the appellant and claimed, inter alia, a total of RM9,328,318 for the payment of work completed as at 29 October 2009; and the refund payment of the disbursement of RM6,330,500. The High Court had allowed the respondent's claims. Not satisfied with the decision, the appellants filed the present appeal. The

A appellants submitted that the trial judge had erred in the fact finding on the respondent's work value percentage of 92%; and based in the financial percentage of 63%, there was no outstanding unpaid value of the contract by the appellants to the respondent. Also, the appellants submitted that the disbursement was government money which was lent to the respondent as a B deposit and the whole total of the disbursement money had been collected by the government by deducting from the interim payment declaration. Therefore, the trial judge had erred in deciding that the said money was refunded to the respondent.

C **Held**, dismissing the appellants appeal with costs; and affirming the decision of the trial judge except the disbursement refund order which was varied by entering judgment against the appellants for the sum of RM4,678,840.98 only:

D (1) It is trite principle law that the appellate court should not intervene in the finding of facts of the trial judge except if the trial judge is 'plainly wrong' in making the said finding. In this present appeal, there was documentary evidence from the appellants themselves that the work performance of the respondent had achieved a level of 70%. Therefore, the trial judge E could not be said to be 'plainly wrong' in dismissing the allegation of the appellants that the percentage of the respondent's work was only 63%. Further, the respondent's witnesses and the appellants themselves had confirmed that the difference in the physical and monetary percentage was between 20% to 22%. Therefore the finding of facts by the trial judge F of 92% (70% + 22%) could not be alleged as a clear err which justified the intervention of the appellate court (see paras 21–22).

(2) As for the disbursement, it is not proper for the senior federal counsel to insist that the court intervene in the finding of the trial judge when the G senior federal counsel at the High Court level failed to submit or simply choose not to provide a meaningful or significant submission to assist the trial judge in making his decision. The implementation refund of the guarantee money and disbursement order made by the trial judge following the finding of the trial judge that the termination of contract H was void and the respondent was entitled to damages for breach of contract, therefore both amounts were required to be refunded to the respondent. The order for the refund of the monies was made in the context of a breach of contract by the appellants. However, the court had varied the order of the trial judge in relation to the amount of the I disbursement to be refunded after the respondent had agreed that the proper amount required to be refunded was RM4,678,840.98 (see paras 28–29).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai bayaran balik, lihat 3(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 5198.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Hafiz bin Mohamad Arshad (b/s SBH Auto & Services) lwn Chong Teck Po (b/s Mega Unggul Construction) [2013] 3 MLJ 911, MR (dirujuk)

China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163, MP (dirujuk)

DC Contractor Sdn Bhd v Universiti Pertahanan Nasional Malaysia [2014] 11 MLJ 633, MT (dirujuk)

Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453, MP (dirujuk)

Kerajaan Malaysia v Global Upline Sdn Bhd and another appeal [2017] 1 MLJ 170, MR (dirujuk)

Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia dan satu lagi lwn Kubang Batang Puspa-Sari Sdn Bhd (Rayuan Sivil No D-01–439–10 Tahun 2014) (tidak dilaporkan), MR (dirujuk)

Pembenaan Leow Tuck Chui & Sons Sdn Bhd v Dr Leela's Medical Centre Sdn Bhd [1995] 2 MLJ 57; [1995] 2 CLJ 345, MA (dirujuk)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Rayuan daripada: Guaman No 21–9–06 Tahun 2011 (Mahkamah Tinggi, Kota Bharu)

Mariam Hasanah bt Othman (Mohammad Sallehuddin bin Md Ali bersamanya) (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Zainal Abidin Mustafa (Zainal & Mariam) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu-perayu/defendan-defendan terhadap sebahagian keputusan Mahkamah Tinggi yang telah membenarkan tuntutan responden/plaintif seperti berikut:

(a) Bahawa pembatalan kontrak plaintif oleh defendan-defendan adalah diisytiharkan batal dan tidak sah.

(b) Bahawa gantirugi penamatan kontrak dibenarkan dan ditaksirkan.

(c) Bahawa defendan-defendan hendaklah membayar kepada plaintif upah ke atas kerja-kerja yang telah disiapkan setakat 29 Oktober 2009 sebanyak RM9,328,318.

(d) Faedah pada kadar 4% dari tarikh writ 14 Jun 2011 ke atas jumlah gantirugi yang dibenarkan dan 8% daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.

(e) Kos kepada peguamcara plaintif sebanyak RM50,000.

(f) Bahawa defendan-defendan hendaklah membayar kembali kepada plaintif wang jaminan pelaksanaan (retention sum) sebanyak RM1,106,635.86 dan wang pendahuluan sebanyak RM6,330,500 sebagaimana Sijil Bayaran Interim No. 25 (D- 16).

[2] Rayuan perayu-perayu adalah terhadap perintah Mahkamah Tinggi di perenggan (c) dan sebahagian perintah di perenggan (f) di atas.

[3] Kami telah mendengar rayuan perayu-perayu dan telah sebulat suara menolak rayuan berkaitan perintah Mahkamah Tinggi di perenggan (c), manakala rayuan berkenaan perintah di perenggan (f) dibenarkan setakat mana perintah Mahkamah Tinggi diubah dan penghakiman dimasukkan terhadap perayu-perayu untuk RM4,678,840.98 sahaja. Berikut adalah alasan kami untuk keputusan tersebut.

LATAR BELAKANG KES

[4] Melalui kontrak bertarikh 21 Ogos 2007, responden telah dilantik oleh perayu-perayu sebagai kontraktor utama bagi projek Jabatan Kerja Raya ('JKR') iaitu 'Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Masuk Dari RKT Paloh 3 RKT Lebir, Gua Musang (Fasa 3)'. Kontrak tersebut ditamatkan oleh perayu-perayu berkuatkuasa pada 29 Oktober 2009.

[5] Responden mendakwa penamatan kontrak adalah tidak sah dan menjejaskan nama baik mereka. Akibat penamatan tersebut, responden telah disenarai hitam dan dihalang daripada terus memasuki tender bagi kontrak JKR yang lain untuk tempoh tiga tahun. Berikutan daripada itu, responden memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu terhadap perayu-perayu menuntut relif-relif berikut:

(a) deklarasi bahawa penamatan kontrak tersebut oleh perayu-perayu adalah terbatal dan tidak sah;

(b) ganti rugi am bagi penamatan kontrak secara salah;

(c) upah bagi kerja-kerja yang telah disiapkan setakat 29 Oktober 2009 berjumlah RM9,328,318;

(d) ganti rugi kehilangan keuntungan kerana disenarai hitam untuk tempoh tiga tahun berjumlah RM10,9860 atau ditaksirkan;

(e) ganti rugi malu berjumlah RM2juta atau ditaksirkan;

(f) faedah; dan

(g) kos

[6] Perayu-perayu menegaskan penamatan adalah sah di mana kontrak ditamatkan ekoran kegagalan responden melaksanakan kerja mengikut jadual yang ditetapkan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

[7] Selepas mendengar keterangan saksi-saksi, hakim bicara memutuskan bahawa penamatan kontrak oleh perayu-perayu adalah tidak sah dan terbatal dan dengan itu telah membenarkan tuntutan responden untuk ganti rugi bagi penamatan kontrak untuk ditaksirkan.

[8] Berkenaan tuntutan responden untuk upah bagi kerja yang disiapkan setakat 29 Oktober 2009 berjumlah RM9,328,316, hakim bicara mendapati terdapat keterangan yang dipersetujui berhubung nilai keseluruhan kontrak/kerja iaitu sebanyak RM28,321,814.38. Hakim bicara seterusnya memberi pertimbangan kepada hujahan pihak-pihak seperti berikut.

[9] Mengikut pengiraan responden, peratusan kerja fizikal yang disiapkan oleh responden pada tarikh penamatan adalah 92% dari keseluruhan kontrak. Melalui surat bertarikh 26 November 2009, perayu-perayu menyatakan peratusan kewangan kerja responden adalah 70% dan perayu-perayu juga bersetuju perbezaan peratusan fizikal dan kewangan sepanjang tempoh kontrak adalah 22%.

[10] Peguamcara pihak responden berhujah bahawa mengambilkira pengiraan responden, peratusan kerja fizikal responden pada tarikh penamatan adalah 92% (70% + 22%) dari keseluruhan kontrak, iaitu RM26,056,069.23 (RM28,321,814.38 x 92%). Responden telah dibayar sejumlah RM9,714,372.14 melalui eksh D15 iaitu bayaran interim No 1–23. Melalui sijil interim No 2 jumlah bayaran yang dituntut adalah RM272,611.23 dan jumlah baki bayaran kepada responden setakat sijil No 24 adalah berjumlah RM9,959,722.70. Mengambil kira keseluruhan bayaran tersebut setelah ditolak dari RM26,056.069.23, baki bayaran bagi kerja yang telah dilakukan adalah RM14,444,687.51 (setelah ditolak wang pendahuluan/*re-coupment*).

[11] Walaupun terdapat surat perayu pertama bertarikh 26 November 2009 (eksh P4) yang menyatakan prestasi kemajuan kerja terakhir responden adalah siap 70%, perayu-perayu mendakwa kerja yang disiapkan oleh responden hanyalah 63%. Jika diambil kira pengiraan perayu-perayu, iaitu 63% peratusan kewangan kerja yang disiapkan semasa penamatan kontrak, nilai

kerja responden adalah 85% (63% + 22%) atau RM24,073,542.23 dari keseluruhan harga/nilai kontrak. Ini menjadikan jumlah baki bayaran bagi kerja yang telah dilakukan oleh responden sebanyak RM12,462,160.28 (setelah ditolak wang pendahuluan/*re-coupment).*

[12] Hakim bicara menerima hujahan atau pengiraan responden berhubung upah bagi kerja yang disiapkan setakat tarikh penamatan. Walau bagaimana pun, hakim bicara hanya membenarkan jumlah yang dituntut sebagaimana diplid oleh responden dalam penyata tuntutan iaitu RM9,328,316.

[13] Berhubung wang jaminan perlaksanaan dan wang pendahuluan, hakim bicara mendapati bahawa berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh perayu-perayu sendiri sepanjang tempoh kontrak berjalan dan setakat bayaran interim No 25, bayaran balik wang pendahuluan yang dipotong oleh perayu-perayu daripada bayaran interim adalah RM6,330,500 manakala wang jaminan perlaksanaan pula berjumlah RM1,106,635.86. Memandangkan kontrak ditamatkan secara tidak sah oleh defendan, hakim bicara memutuskan bahawa kedua-dua jumlah tersebut hendaklah dikembalikan kepada responden.

RAYUAN

[14] Di hadapan kami, peguam kanan persekutuan bagi pihak perayu-perayu mengulangi pendiriannya bahawa peratusan kewangan yang perlu dibayar kepada responden hanyalah sebanyak 63% sahaja yang bersamaan dengan jumlah RM17,396,858.70. Jumlah ini telahpun diselesaikan kesemuanya berdasarkan sijil interim No 25.

[15] Peguam kanan persekutuan berhujah bahawa sijil interim adalah mengikat pihak-pihak. Justeru, hakim bicara khilaf apabila memutuskan peratusan jumlah nilai kontrak yang perlu dibayar kepada responden adalah 92%. Dihujahkan seterusnya oleh peguam kanan persekutuan bahawa tidak ada sebarang bukti untuk menyokong dapatan hakim bicara bahawa nilai kerja responden telah mencapai 92%. Kes-kes *Pembenaan Leow Tuck Chui & Sons Sdn Bhd v Dr Leela's Medical Centre Sdn Bhd* [1995] 2 MLJ 57; [1995] 2 CLJ 345 dan *Kerajaan Malaysia v Global Upline Sdn Bhd and another appeal* [2017] 1 MLJ 170 telah dirujuk untuk menyokong hujahan perayu-perayu.

[16] Hakim bicara juga dikatakan khilaf apabila menggunakan kaedah pendaraban terus peratusan kerja dengan harga kontrak, sedangkan nilai kewangan yang perlu dibayar adalah melalui kerja di tapak berasaskan senarai kuantiti (*bill of quantities*). Pihak perayu-perayu menekankan bahawa terdapat perbezaan di antara peratusan fizikal kerja dan peratusan kewangan. Berdasarkan peratusan kewangan 63%, tiada sebarang tunggakan nilai kontrak

yang belum dibayar oleh perayu-perayu kepada responden.

[17] Berkenaan dengan wang pendahuluan sebanyak RM6,330,500 kepada responden, peguam kanan persekutuan berhujah bahawa jumlah tersebut adalah wang Kerajaan yang diberi pinjam kepada responden secara pendahuluan. Kesemua jumlah wang pendahuluan telah pun dikutip semula (*recouped*) oleh kerajaan secara potongan melalui perakuan bayaran interim. Oleh yang demikian, dihujahkan bahawa hakim bicara khilaf apabila memutuskan bahawa wang itu dikembalikan kepada responden.

DAPATAN KAMI

[18] Perayu-perayu hanya merayu terhadap butiran (c) dan sebahagian butiran (f) perintah Mahkamah Tinggi iaitu penghakiman yang dimasukkan terhadap perayu-perayu untuk jumlah RM9,328,318 dan RM6,330,500 untuk upah kerja-kerja yang disiapkan setakat 29 Oktober 2009 dan bayaran wang pendahuluan, masing-masing.

[19] Hakim bicara telah membuat penemuan fakta bahawa nilai kerja-kerja responden setakat tarikh penamatan adalah 92%. Sehubungan dengan itu, memandangkan jumlah harga kontrak yang dibayar kepada responden hanyalah 63% berdasarkan sijil interim No 25 iaitu RM17,396,858.70, maka perayu-perayu dikehendaki membayar sejumlah 29% lagi kepada responden (92%–63%) berjumlah RM9,328,318.

[20] Perayu-perayu pada asasnya menyatakan bahawa hakim bicara khilaf dalam membuat penemuan fakta tentang nilai peratusan kerja responden sebanyak 92% kerana ketiadaan bukti dan juga kerana sijil interim menunjukkan peratusan kerja hanya mencapai 63%.

[21] Pertama sekali, adalah merupakan prinsip undang-undang yang mantap bahawa mahkamah rayuan tidak patut campur tangan dalam penemuan fakta hakim bicara kecuali hakim bicara adalah 'plainly wrong' dalam membuat dapatan tersebut (lihat *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395; *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163 dan *Dream Property Sdn Bhd v Atlas Housing Sdn Bhd* [2015] 2 MLJ 441; [2015] 2 CLJ 453).

[22] Dalam rayuan ini, terdapat keterangan dokumentari daripada pihak perayu-perayu sendiri bahawa prestasi kerja responden mencapai tahap 70% (lihat surat perayu pertama bertarikh 26 November 2009 kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia (ms 370: rekod rayuan *Jld* 2(3) Bahagian B dan C)). Dalam keadaan itu, kami berpendapat hakim bicara tidak

boleh dikatakan 'plainly wrong' dalam menolak dakwaan perayu-perayu bahawa peratusan kerja responden hanya mencapai 63%. Seterusnya saksi-saksi responden dan perayu-perayu sendiri mengesahkan bahawa perbezaan peratusan fizikal dan kewangan adalah di antara 20% hingga 22%. Maka penemuan fakta oleh hakim bicara mengenai 92% (70% + 22%) tidaklah boleh dikatakan kekhilafan yang jelas yang mewajarkan kami campur tangan.

[23] Keduanya, perlu diingatkan bahawa di Mahkamah Tinggi, perayu-perayu tidak menyangkal pengiraan peratusan oleh responden. Di hadapan hakim bicara, perayu-perayu hanya memberi tumpuan kepada isu liabiliti. Ini dinyatakan oleh hakim bicara dalam penghakimannya:

> [20] Bagi tuntutan bayaran bagi kerja yang disiapkan setakat tarikh penamatan (29 September 2010), berdasarkan keterangan yang dipersetujui nilai keseluruhan kontrak/kerja adalah RM28,321,814.38 ... Saya menerima hujahan peguam plaintif ... Saya menerima hujahan beliau bahawa keterangan dokumen menunjukkan bahawa pada tarikh penamatan kontrak tersebut plaintif telah menyiapkan 92% kerja secara fizikal. Saya tidak dapat menerima hujahan defendan (PKP) berhubung kuantum. Beliau tidak memberikan tumpuan yang mendalam dan gagal menyangkal/menjawab peguam plaintif ...

[24] Dapatan hakim bicara di atas adalah tepat. Rekod rayuan (ms 1053: *Jld* 2(6) Bahagian B dan C) menunjukkan hujahan peguam kanan persekutuan di peringkat bicara mengenai isu kuantum amat ringkas seperti berikut:

> GANTIRUGI
>
> 83. Defendan-Defendan berhujah bahawa tiada gantirugi yang layak diberikan kepada Plaintif kerana penamatan yang dilakukan oleh Defendan Kedua adalah sah.
>
> 84. Selain itu, SD3 dalam keterangan beliau turut mengesahkan bahawa kesemua bayaran bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh Plaintif dalam Kontrak tersebut telah dibayar dan tiada sebarang tunggakan terhadap Plaintif.

[25] Jelas pihak perayu-perayu sendiri tidak mencabar atau menjawab hujahan responden tentang kaedah pengiraan peratusan kerja responden dan kadar upah bagi kerja yang telah disiapkan setakat tarikh penamatan. Pada pendapat kami, dalam keadaan di mana peguam kanan persekutuan gagal membuat hujahan sebaliknya tentang kuantum untuk pertimbangan hakim bicara, adalah tidak wajar untuk peguam kanan persekutuan kini menegaskan hakim bicara khilaf dalam penemuannya yang dibuat berasaskan imbangan kebarangkalian.

[26] Dalam apa keadaan pun, kaedah yang digunakan oleh hakim bicara dalam menentukan jumlah upah kerja yang masih berbaki kepada responden

iaitu dengan menggunakan peratusan penyiapan, adalah kaedah yang sama yang telah digunakan dalam kes-kes terdahulu, contohnya dalam kes-kes berikut:

(a) *Abdul Hafiz bin Mohamad Arshad (b/s SBH Auto & Services) lwn Chong Teck Po (b/s Mega Unggul Construction)* [2013] 3 MLJ 911;

(b) Mahkamah Rayuan antara *Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia dan satu lagi lwn Kubang Batang Puspa-Sari Sdn Bhd* (Rayuan Sivil No D-01–439–10 Tahun 2014) (tidak dilaporkan); dan

(c) *DC Contractor Sdn Bhd v Universiti Pertahanan Nasional Malaysia* [2014] 11 MLJ 633.

[27] Dalam Rayuan Sivil No D-01–439–10 Tahun 2014 antara *Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia & satu lagi lwn Kubang Batang Puspa-Sari Sdn Bhd*, khususnya, yang melibatkan pihak-pihak yang sama (dengan rayuan di hadapan kami) tetapi projek yang berbeza, mahkamah ini mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi yang menggunakan kaedah yang sama yang kini dipertikaikan oleh perayu-perayu.

[28] Berkenaan wang pendahuluan, kami ulangi pendapat kami bahawa tidak wajar bagi peguam kanan persekutuan menggesa kami campur tangan dalam dapatan hakim bicara apabila peguam kanan persekutuan di peringkat Mahkamah Tinggi gagal mengemukakan atau dengan sengaja memilih untuk tidak mengemukakan hujahan yang bermakna atau signifikan untuk membantu hakim bicara dalam mencapai keputusannya.

[29] Harus ditekankan bahawa perintah pemulangan wang jaminan perlaksanaan dan wang pendahuluan dibuat oleh hakim bicara berikutan penemuan hakim bicara bahawa penamatan kontrak adalah tidak sah dan responden berhak kepada ganti rugi pemecahan kontrak, maka kedua-dua jumlah tersebut dikehendaki dipulangkan kepada responden. Perintah pemulangan wang itu dibuat dalam konteks pemecahan kontrak oleh perayu-perayu. Kami bagaimanapun telah mengubah perintah hakim bicara berkenaan jumlah pemulangan wang pendahuluan setelah pihak responden bersetuju bahawa berdasarkan eksh D16 (rekod rayuan *Jld* 2(4) Bahagian B dan C: ms 577), jumlah sebenar yang perlu dipulangkan adalah RM4,678,840.98.

KESIMPULAN

[30] Secara keseluruhannya, kami berpuas hati bahawa keputusan hakim bicara bukanlah suatu keputusan yang ternyata khilaf dari segi fakta dan undang-undang. Kami tidak mendapati alasan yang kukuh untuk mengubah rumusan hakim bicara yang berikut dalam membuat keputusan memihak

responden:

> [24] Setelah meneliti keseluruhan keterangan dan menimbang hujahan oleh peguamcara dan PKP yang terpelajar bagi kedua-dua pihak, atas imbangan kebarangkalian, saya mendapati plaintif berjaya membuktikan tuntutan mereka bahawa penamatan kontrak oleh defendan adalah tidak sah. Oleh kerana saya mendapati penamatan kontrak adalah tidak sah maka plaintif berhak kepada ganti rugi yang dituntut dan oleh kerana PKP memilih untuk tidak berhujah balas terhadap hujahan peguam plaintif sepertimana yang dihujahkan di perenggan di atas dan memilih untuk bergantung kepada keterangan SD3 saya menerima hujahan peguam plaintif dan membenarkan jumlah ganti rugi sepertimana yang dituntut dan dihujahkan.

[31] Berdasarkan perkara-perkara di atas, kami telah menolak rayuan perayu-perayu dengan kos dan mengekalkan keputusan hakim bicara kecuali perintah pemulangan wang pendahuluan yang telah diubah setakat mana yang dinyatakan terdahulu.

Rayuan perayu-perayu ditolak dengan kos; dan keputusan hakim bicara dikekalkan kecuali perintah pemulangan wang pendahuluan yang diubah dengan memasukkan penghakiman terhadap perayu-perayu untuk jumlah RM4,678,840.98 sahaja.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar